



“UniMAP Netball team” mula digeruni...

Oleh ; Mohd hafeez Nordin

Pasukan bola jaring pelajar UniMAP telah berjaya menjadi Naib Juara dalam Kejohanan Bola Jaring Terbuka UUM pada 16 Oktober 2008 bertempat di Padang Bola Jaring, Kompleks Sukan UUM, Sintok. Sebanyak 16 pasukan dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis telah menyertai kejohanan tersebut. Pasukan UniMAP yang diletakkan di dalam kumpulan D pada awalnya telah berjaya menjadi Johan Kumpulan untuk meneruskan perjuangan di pusingan suku akhir. Pasukan UniMAP telah menewaskan pasukan dari SM Agama Kangar dengan jaringan 11-5 di peringkat suku akhir. Manakala di peringkat separuh akhir, UniMAP berjaya menewaskan pasukan tuan rumah, UUM dengan jaringan 10-9. Walaupun tekanan hebat ditanggung oleh para pemain UniMAP akibat daripada sorakan dan sokongan pihak tuan rumah, namun semua pemain berjaya mengekalkan rentak permainan sehinggalah tamat masa perlawanan.

Di peringkat akhir, UniMAP terpaksa akur dengan kehebatan pasukan lawan, KWSP yang rata-rata terdiri daripada pemain profesional. Pasukan UniMAP telah berjaya membawa pulang hadiah wang tunai dan pingat.

Pasukan ini dianggotai oleh Awin, Hanim, Nadiya, Jannah, Farzana, Afidah, Husna, Izyan, Norhida, Khairibasitah dan Nurshazila. Manakala Puan Zainab dan Puan Azim Zaliha merupakan jurulatih dan pengurus kepada pasukan ini.

Teruskan usaha gigih bagi mencapai kejayaan di MASUM 2009 nanti !!!